



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

HARI KEADILAN SOSIAL SEDUNIA

Hari ini, 20 Februari, kita memperingati Hari Keadilan Sosial Sedunia yang diisytiharkan oleh United Nations General Assembly pada 26 November 2007 dan disambut secara rasmi sejak tahun 2009. Sambutan ini merupakan pengiktirafan global terhadap kepentingan **mempromosikan keadilan sosial, termasuk usaha menangani kemiskinan, ketidaksamaan gender, pengangguran, hak asasi manusia dan perlindungan sosial.**

Tema tahun 2026, ***“Renewed Commitment to Social Development and Social Justice”***, menzahirkan tekad untuk terus memperkukuh pembangunan sosial secara inklusif serta memastikan tiada sesiapa yang tercicir daripada arus pembangunan negara.

Negara yang makmur bukan hanya diukur melalui pertumbuhan KDNK, tetapi melalui sejauh mana kekayaan dan peluang diagihkan secara adil kepada seluruh rakyat. Apabila akses kepada pendidikan, pekerjaan, perumahan, kesihatan dan perlindungan sosial dinikmati dengan baik, maka wujudlah kestabilan, keyakinan rakyat dan keharmonian sosial. Keadilan sosial juga berkait rapat dengan perpaduan nasional. Dalam kerangka Indeks Perpaduan Nasional, aspek tadbir urus dan pembangunan menjadi indikator utama yang menilai pengurusan ekonomi, kemudahan awam, penyampaian perkhidmatan awam serta pengurusan masyarakat. Apabila tadbir urus dilaksanakan secara telus dan inklusif, serta pembangunan dirasakan secara adil oleh semua lapisan masyarakat, maka perpaduan akan semakin kukuh.

Kerajaan MADANI terus memainkan peranan penting selaras dengan tuntutan ini melalui pendekatan **Whole-of-Government Approach**, iaitu usaha bersepadu merentas kementerian dan agensi bagi memastikan

keadilan sosial diterjemahkan dalam bentuk dasar dan tindakan yang konkrit. Antaranya:

1. **Sumbangan Asas Rahmah (SARA)** - Bantuan bersasar kepada isi rumah berpendapatan rendah bagi meringankan kos sara hidup
2. **BUDI95** -Inisiatif subsidi bersasar bagi mengoptimumkan pengagihan bantuan bahan api agar lebih adil
3. **RUU Pekerja Gig 2025** - menyediakan kerangka perlindungan sosial dan kebajikan yang lebih jelas serta setara kepada pekerja dalam ekonomi gig.
4. **Dasar Sosial Negara 2030** - Dasar payung yang menyelaras 44 dasar sosial merentas 19 kementerian bagi memperkukuh kesejahteraan rakyat berteraskan empat teras utama: Keperluan Asas, Potensi Diri, Sistem Sokongan Sosial dan Tanggungjawab Sosial.
5. **Pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) – Skim LINDUNG 24/7-** Memperluas perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja sepanjang masa termasuk di luar waktu bekerja.
6. **Pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800)** - memperkukuh jaringan keselamatan pekerjaan dengan memperketat tanggungjawab majikan dan meningkatkan keberkesanan padanan pekerjaan.
7. **i-Lindung (KWSP)** - membolehkan ahli menggunakan sebahagian simpanan untuk mendapatkan perlindungan insurans dan takaful.
8. **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)-** Skim perlindungan kepada individu bekerja sendiri bagi melindungi mereka daripada risiko kemalangan dan kehilangan pendapatan.
9. **Dasar Wanita Kebangsaan 2025–2030-** Kerangka dasar untuk memperkukuh penyertaan ekonomi wanita, memperkasa kepimpinan wanita dan mempromosi kesamarataan gender.
10. **Pembiayaan Pendidikan Tinggi Percuma (Isi Rumah < RM2,700)-** Inisiatif memperluas akses pendidikan tinggi kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah bagi meningkatkan mobiliti sosial.
11. **RUU Antibuli 2025-** bertujuan mencegah dan mengurus kes buli secara sistematik bagi memastikan persekitaran pendidikan yang selamat dan inklusif.
12. **Projek Tamu Desa** - penyediaan dan penaiktarafan ruang niaga

yang lebih selesa kepada penjaja kecil luar bandar bagi meningkatkan pendapatan komuniti setempat.

13. **SPUMI Goes Big / PENN / BRIEF-I** - Program pembiayaan dan sokongan keusahawanan khusus untuk memperkasa komuniti India dan meningkatkan penyertaan ekonomi mereka.
14. **Program Residensi Rakyat (PRR)** - transformasi perumahan rakyat kepada model kediaman berkualiti tinggi dan lebih kondusif untuk kesejahteraan penghuni.
15. **Projek Terbengkalai Sifar 2030**- usaha menyeluruh memulihkan projek perumahan terbengkalai bagi melindungi hak pembeli dan memastikan akses kepada perumahan terjamin.
16. **Program KasihniTA**- program pemerksaan ibu tunggal melalui latihan hak perundangan, pengurusan kewangan dan pembangunan potensi diri.
17. **Bantuan Guaman Percuma untuk Ibu Tunggal Miskin**- penyediaan khidmat guaman tanpa kos bagi membantu menuntut nafkah dan hak berkaitan.
18. **Pemerksaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) & Skim Rondaan Sukarela (SRS)** - pengukuhan peranan komuniti dalam menjaga keselamatan, memupuk keharmonian dan memperkukuh perpaduan setempat.
19. **Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) – INTAN / INSAN / IKHSAN**- program pembasmian kemiskinan tegar melalui sokongan keusahawanan tani, makanan dan perkhidmatan untuk menjana pendapatan mampan.
20. **Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR)**- platform permohonan terus bagi projek infrastruktur kecil yang memberi impak segera kepada kesejahteraan komuniti.
21. **SejaTi MADANI & Sejahtera MADANI** - program pemerksaan ekonomi komuniti dan pembasmian kemiskinan tegar melalui pendekatan pembangunan setempat.
22. **Pusat Autisme Negara** - pembangunan pusat autisme di PLPP Bangi pada 2025, yang akan diperluaskan ke Sabah, Sarawak, dan Labuan pada 2026 bagi memberi manfaat kepada lebih 13,000 individu.

Marilah kita bersama-sama memperbaharui komitmen untuk memperkukuh keadilan sosial, membina kesejahteraan rakyat, dan memperkasa perpaduan negara. Dengan usaha bersama, kita mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang adil, inklusif dan harmoni untuk generasi kini dan masa hadapan.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

20 Februari 2026

KPN.100-9/1/16 (11)

